

MASALAH-MASALAH FASA IMPLEMENTASI PROJEK
PENGOTOMASIAN PUSAT SUMBER SEKOLAH:
KALIAN KES DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (1993-1994)

ROSYATI BT KAMALUDDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



106617

106617

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai pandangan dan pengalaman guru-guru pusat sumber Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam berkaitan dengan masalah-masalah yang timbul dan aliran-aliran kerja yang sukar dilaksanakan oleh mereka pada fasa implementasi projek pengautomasian pusat sumber tersebut pada tahun 1993 dan 1994. Tumpuan kajilidikan ini adalah pada empat peringkat kerja fasa implementasi projek pengautomasian pusat sumber tersebut iaitu peringkat 'data transcription', 'data verification', 'data entry' dan proses teknik semula koleksi pusat sumber. Hasil kajian menunjukkan terdapat sepuluh masalah utama yang timbul pada fasa implementasi projek tersebut iaitu masalah perkakasan komputer, masalah perisian SISPUKOM-SUTERA, masalah ruangan kerja, masalah tenaga kerja, kekurangan program latihan pengautomasian, kekurangan sumber data projek, kekurangan sistem dokumentasi projek, kelemahan pihak pengurus dan kelemahan perancangan. Hasil kajian juga telah dapat mengenal pasti aliran-aliran kerja yang sukar dilaksanakan oleh guru-guru pusat sumber pada tiap-tiap peringkat fasa implementasi projek tersebut. Tiga aliran kerja yang sukar dilaksanakan oleh mereka pada peringkat 'data transcription' ialah kerja-kerja mengisi borang butiran pengkatalogan, perolehan dan penyenggaraan fail kawalan. Pada peringkat 'data verification' pula aliran-aliran kerja yang sukar dilaksanakan ialah kerja-kerja menyemak semula borang butiran pengkatalogan, perolehan dan penyenggaraan fail kawalan. Aliran-aliran kerja yang sukar dilaksanakan pada peringkat 'data entry' ialah kerja-kerja menginput data butiran-butiran pengkatalogan, perolehan koleksi pusat sumber dan penyenggaraan fail kawalan. Manakala aliran-aliran kerja yang sukar dilaksanakan pada peringkat proses teknik semula koleksi pusat sumber ialah kerja-kerja memproses semula bahan bercetak dan bukan bercetak pusat sumber. Hasil ujian korelasi Pearson's r menunjukkan terdapat hubungan faktor masalah tenaga kerja dengan kesukaran guru-guru pusat sumber melaksanakan peringkat kerja 'data transcription'. Kekurangan sistem dokumentasi pengautomasian mempengaruhi kesukaran melaksanakan kerja-kerja pada peringkat 'data verification'. Faktor yang mempengaruhi kesukaran melaksanakan peringkat 'data entry' ialah faktor kekurangan perisian SISPUKOM-SUTERA dan masalah perkakasan komputer. Kajilidikan ini juga membuktikan faktor yang mempengaruhi kesukaran melaksanakan peringkat proses teknik semula koleksi pusat sumber ialah kelemahan sumber data projek.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengkajian dalam sejarah perkembangan perpustakaan berkomputer di Malaysia telah dimulakan selaras dengan perkembangan pengautomasian perpustakaan-perpustakaan akademik di Malaysia pada tahun 1970an. Di antara kajian-kajian yang berkaitan dengan sejarah pengautomasian perpustakaan akademik yang telah dijalankan ialah kajian oleh Lee (1985) yang berjudul Planning for Library Automation : Issues and Application dan Seow (1992) yang berjudul Planning for Library in the University of Malaya Library. Kajian yang telah dijalankan oleh Lee dan Seow ini telah berjaya menjelaskan aspek perancangan, persediaan keperluan dan pelaksanaan fasa implementasi projek pengautomasian perpustakaan akademik Universiti Malaya.

1.2 Permasalahan dan persoalan kajian

Walaupun telah terdapat hasil kajian berkaitan pengautomasian perpustakaan akademik tetapi sehingga kini masih belum terdapat hasil kajian berkaitan sejarah pengautomasian pusat sumber sekolah-sekolah menengah kerajaan khususnya di negeri Selangor Darul Ehsan. Akibatnya, tiada rujukan ilmiah tempatan yang bertepatan untuk membolehkan pihak pusat sumber sekolah-sekolah menengah kerajaan mengkaji aspek perancangan, keperluan-keperluan projek, fasa-fasa implementasi projek dan permasalahan-permasalahan projek

sebelum mereka memulakan dan menjalankan projek pengautomasian pusat sumber sekolah mereka.

Ketiadaan hasil kajian berkaitan dengan pengautomasian pusat sumber sekolah menengah kerajaan di negeri Selangor misalnya, bukan sesuatu yang disengajakan. Pada hakikatnya pengautomasian pusat sumber sekolah menengah kerajaan di negeri Selangor baru sahaja dimulakan pada tahun 1993. Menurut penyelia perpustakaan Unit Teknologi Pendidikan (Unit TEKNOPEM) Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNSDE); Tuan Haji Ngimron bin Hj Abdul Rahim,¹ sekolah menengah kerajaan yang pertama memulakan projek SISPUKOM-SUTERA iaitu projek pengautomasian pusat sumber di negeri Selangor dan di Malaysia ialah Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SMSSAAS) di Shah Alam. Sekolah ini telah memulakan projek pengautomasian pusat sumber pada Februari 1993. Tempoh yang telah ditetapkan untuk fasa implementasi pengautomasian pusat sumber sekolah ini ialah selama tujuh bulan iaitu dari Februari 1993 sehingga September 1993.² Walau bagaimanapun sehingga ke hari ini implementasi projek pengautomasian sekolah ini masih belum selesai.

Pada hakikatnya implementasi projek pengautomasian pusat sumber SMSSAAS yang masih belum selesai inilah yang menjadi punca permasalahan kerana pihak SMSSAAS dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru sekolah ini (PIBG SMSSAAS) terpaksa menanggung jumlah perbelanjaan projek yang semakin

¹ Temu bual menerusi telefon dengan Tuan Haji Ngimron bin Haji Abd. Rahim ini telah dijalankan pada 8 Februari 1993.

² Tempoh projek pengautomasian di atas telah dirujuk dari 'Carta Gantt Projek Perintis Sutera SMSSAAS 1993'. Untuk keterangan lanjut sila rujuk lampiran B mukasurat 151.

meningkat iaitu dari RM 22,043 pada tahun 1993 sehingga RM 65,494.56 pada tahun 1994.³ Implementasi projek pengautomasian yang lewat siap ini juga telah mengakibatkan pusat sumber SMSSAAS terpaksa ditutup kepada pengguna-pengguna pusat sumber iaitu guru-guru dan murid-murid selama satu tahun dan ini telah menjejaskan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan pusat sumber di sekolah ini. Berdasarkan permasalahan yang berbangkit ini penyelidik sebagai salah seorang kakitangan projek pengautomasian ini sangat berminat untuk menjalankan kajian secara ilmiah bagi menjawab beberapa persoalan yang timbul berkaitan kelewatan projek pengautomasian ini. Persoalan-persoalan yang dimaksudkan ialah persoalan-persoalan seperti berikut di bawah :

- (i) Adakah guru-guru pusat sumber menghadapi kesukaran melaksanakan aliran-aliran kerja seperti mengisi butiran pengkatalogan, butiran perolehan dan butiran penyenggaraan fail kawalan pada peringkat 'data transcription', fasa implementasi projek?
- (ii) Adakah guru-guru pusat sumber menghadapi kesukaran melaksanakan aliran-aliran kerja seperti menyemak borang input pengkatalogan, borang input perolehan dan borang input penyenggaraan fail kawalan pada peringkat 'data verification' fasa implementasi projek?
- (iii) Adakah guru-guru pusat sumber menghadapi kesukaran melaksanakan aliran-aliran kerja seperti menginput data butiran pengkatalogan, butiran perolehan dan 'data entry' ?

³ Jumlah perbelanjaan projek pengautomasian pusat sumber bagi tahun 1993 dirujuk dari Malaysia. SMSSAAS. "Laporan Penilaian Pengautomasian Pusat Sumber SMSSAAS Tahun 1993 dan Penyata Penerimaan dan Perbelanjaan PIBG SMSSAAS , Januari - November 1994." Shah Alam.